

- 9 Pokok limau yang ditanam oleh ayah _____ pertumbuhannya kerana kekurangan baja.
- A bantut
 - B terbantut
 - C membantut
 - D dibantutkan
- 10 Kata-kata rakan karibnya masih _____ di telinganya.
- A teringat-ingat
 - B terbawa-bawa
 - C terngiang-ngiang
 - D terkenang-kenang
- 11 Saya dan Aliman baru sahaja selesai mengukur ketinggian _____ ternyata saya lebih tinggi daripadanya.
- A dan
 - B serta
 - C seraya
 - D tatkala
- 12 Meja yang berukir itu sangat berat semasa diangkat kerana diperbuat _____ kayu jati.
- A dari
 - B pada
 - C kepada
 - D daripada
- 13 Budak perempuan itu berlari _____ ke arah ayahnya
- A terkapai-kapai
 - B terensot-ensot
 - C terkedek-kedek
 - D terhegeh-hegeh
- 14 Nursila _____ sup ayam yang dimasak oleh ibunya dengan berhati-hati kerana masih panas.
- A melapah
 - B mencicip
 - C meneguk
 - D menghirup
- 15 Mak Limah menjunjung _____ kayu api di atas kepalanya sambil mengelek _____ tikar mengkuang yang baru siap di anyam .
- A sebatang sehampar
 - B seberkas segulung
 - C sebatang sekajang
 - D seberkas segelung